

SIARAN MEDIA

PAKEJ TEKNOLOGI LENGKAP BAGI MENINGKATKAN PENGELUARAN HASIL TANAMAN KUBIS TANAH RENDAH

Kundang, 26 Mac – Pakej Mekanisasi Tanaman Kubis Tanah Rendah bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan menjimatkan kos buruh telah dilancarkan hari ini oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Teknologi mekanisasi sangat membantu ke arah peningkatan pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup petani serta jaminan bekalan dalam sektor pertanian dan makanan. Pada masa ini penanaman kubis bulat di Malaysia kebanyakan terletak di kawasan sederhana dan tanah tinggi kerana suhu persekitarannya amat sesuai bagi tanaman ini seperti di Cameron Highland, Ranau dan Lojing.

Kini pengeluaran kubis bulat telah mula dilaksanakan di tanah rendah bagi menampung permintaan domestik memandangkan ruang tambahan yang terhad di kawasan tanah tinggi. Penggunaan tanah rata bagi penanaman kubis membolehkan mekanisasi perladangan dilaksanakan di kawasan yang lebih luas.

Pakej mekanisasi ini terdiri daripada mesin semaian biji benih, mesin pemasangan plastik sungkupan, mesin penanaman kubis, mesin penyemburan berlegan, dron penyembur racun dan baja serta mesin baja penuaian kubis.

Menurut Dr. Ronald, pakej mekanisasi ladang bagi pengeluaran kubis tanah rendah ini berupaya meningkatkan pengeluaran kubis negara memandangkan aktiviti secara manual memerlukan tenaga pekerja dan kos yang tinggi di samping keluasan yang terhad serta produktiviti yang rendah.

'Varieti jenis 'tahan panas' membolehkan kubis bulat ditanam di kawasan tanah rendah bersuhu tinggi. Ini dapat menjamin bekalan tempatan selain mengurangkan kebergantungan import,' kata Dr Ronald.

MARDI akan mengkomersilkan pakej mekanisasi ini dan terus mengalakkan petani dan pengusaha yang berminat dengan tanaman kubis. MARDI juga akan memberikan bantuan teknikal kepada mana-mana pengusaha yang berminat memandangkan tanaman ini berpotensi tinggi dan akan memberi pulangan hasil lumayan kerana permintaan yang tinggi dalam negara.

Teknologi mekanisasi akan membantu ke arah peningkatan pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup petani serta jaminan bekalan dalam sektor pertanian dan makanan.

Tambah Dr. Ronald, selari dengan permintaan global yang tinggi, usaha yang berterusan untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dalam pengeluaran hasilan segar sangat diperlukan bagi menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan dalam sektor pertanian.

Sebelum ini, MARDI juga telah membangunkan teknologi tanaman kubis bunga di tanah rendah yang telah dilancarkan oleh Dr Ronald pada bulan Oktober, 2020. Teknologi pengeluaran kubis bunga tanah rendah berkenaan memendekkan tempoh ia boleh dituai iaitu dalam satu hingga dua minggu selain mengurangkan risiko penyakit terhadap tanaman terbabat. Tempoh matang tuai bagi kubis adalah antara 80 hingga 85 hari selepas ditanam.

Bersempena dengan majlis itu juga, Dr. Ronald turut menyampaikan pakej mekanisasi kepada wakil petani serta menyerahkan manual penanaman kubis tanah rendah dan baja organik Biorichar kepada wakil peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI dan Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian MAFI.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nur Akmal binti Hassan
Pegawai Perhubungan Awam
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Tel: 019-4553400
Emel : nurakmal@mardi.gov.my

